

## Lima pengusaha kedai gunting rambut diberi notis

**MELAKA** - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Melaka mengeluarkan notis kepada lima pengusaha perkhidmatan menggunting dan mendandan rambut di negeri itu bagi memastikan harga yang ditawarkan adalah munasabah khususnya dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).

Pengarah KPDNHEP Melaka, Norena Jaafar berkata, notis itu bertujuan mendapatkan penjelasan mengenai caj perkhidmatan selepas pemeriksaan dilakukan selain terdapat aduan berhubung kenaikan harga antara RM5 hingga

RM10 atas alasan kos tambahan bagi mematuhi prosedur operasi standard (SOP).

“KPDNHEP ingin mengingatkan bahawa kadar baharu harga pemetongan dan dandan rambut mestilah sejajar dengan kos tambahan yang terpaksa ditanggung pengusaha.

“Sekiranya proses menggunting rambut hanya melibatkan penggunaan pelitup muka, apron pakai buang, sarung tangan serta pensanitasi tangan maka hanya kos barangan itu sahaja yang boleh dicaj kepada pelanggan selain kos asal upah gunting,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam. - *Bernama*

